



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 14 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI JAMIN BEKALAN MAKANAN NEGARA MENCUKUPI, BH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3.	PERSEDIAAN, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE BREATHING NEW LIFE INTO SG ULU BENUT, NEWS, THE STAR -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6.	CUBAAN SELUDUP AYAM LAGA, BURUNG BERNILAI RM65,000 GAGAL, NEGARA, KOSMO -11 KERJA HARAM WAKTU SENJA, LOKAL, HM -12 PENYELUDUP TINGGALKAN BURUNG, AYAM LAGA, NEGERI JOHOR/MELAKA/KELANTAN, SH -30	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	PKP: KELULUT BAWA UNTUNG, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/6/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI jamin bekalan makanan negara mencukupi



Ronald diberi taklimat oleh Eksekutif Pengeluaran Green World Genetics Sdn Bhd, Shazlyn Hazwani Shamsul Qamar (kanan) ketika meninjau Pusat Kajian Dan Penghasilan Benih Serta Pusat Pemprosesan Jagung Bijian GWG North Region, hari ini. - Foto BERNAMA

ARAU: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bekalan makanan untuk keperluan rakyat di negara ini mencukupi walaupun

negara masih berdepan dengan penularan pandemik COVID-19.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata Malaysia tidak menghadapi masalah kekurangan makanan kerana pengusaha dan pengeluar di negara ini masih berupaya membekalkan keperluan itu secara berterusan.

"Tiada masalah dari segi bekalan makanan kerana pihak pengusaha masih mampu menawarkan keperluan yang secukupnya untuk rakyat," katanya kepada pemberita ketika melakukan lawatan kerja ke Pusat Kajian dan Penghasilan Benih serta Pusat Pemprosesan Jagung Bijirin Green World Genetics (GWG) Wilayah Utara dekat sini, hari ini.

Beliau berkata, selain agensi berkaitan kementerian itu, pihak swasta juga terus memberikan sokongan dan kerjasama bagi memastikan industri makanan negara berjalan lancar.

"Kita tahu bahawa negara mampu mengeluarkan hasil ke tahap sara diri yang mencukupi untuk mengurangkan kebergantungan import bahan makanan dari luar negara," katanya. - BERNAMA



14 AUG, 2021

PERSEDIAAN

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2



PERSEDIAAN: Petugas Taman Laut, Jabatan Perikanan Malaysia Labuan melakukan kerje-kerja pemasangan Jalur Gemilang di sekitar Jeti Pulau Rusukan Besar, bagi memeriahkan suasana menjelang Hari Kebangsaan yang akan disambut 31 Ogos ini pada tinjauan di Labuan, semalam. Malaysia Prihatin kekal sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini. - Gambar Bernama



14 AUG, 2021

PERSEDIAAN

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PERSEDIAAN ! PetugasTaman La ut, Jabatan Perikanan Malaysia Labuan melakukan kerja-kerja pemasangan Jalur Gemilang di sekitar jeti Pulau Rusukan Besar, bagi memeriahkan suasana menjelang Hari Kebangsaan yang akan disambut 31 Ogos ini pada tinjauan di Labuan, semalam. Malaysia Prihatin kekal sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia

Breathing new life into Sg Ulu Benut

By YEE XIANG YUN
metro@thestar.com.my

THIRTY thousand fish and prawn fries in total have been released into Sungai Ulu Benut in Simpang Renggam in a step towards turning one of Johor's most polluted rivers into an environment for recreational use.

Simpang Renggam MP Dr Maszlee Malik said an application for the aquatic fry was submitted to the Fisheries Department earlier this year as part of a plan to improve the river's condition.


"On July 13, the department, with the cooperation of the Kampung Paya Palembang residents committee, finally released 20,000 *ikan baung* (river catfish) and 10,000 *udang galah* (freshwater prawn) fries into the river.

"This is good news for Simpang Renggam folk, whose lives have previously been affected by the river pollution for years, including disrupted water supply," he said.

He explained that the river had been contaminated by ammonia pollution from the CEP Renggam landfill back in 2019.

The landfill had since been shut down.

The closure of the landfill, which



Fish and prawn fries being released into the now improved Sungai Ulu Benut.

was the source of the people's water woes, brought the matter to an end.

There were no more reports of ammonia pollution in the area.

"Village chief Naib Isa and the residents committee then held discussions with me to turn the river into a recreational destination for local community activities such as picnics and fishing, as well as photo and video shoots," said Maszlee.

"The idea was met with scepticism from the public at the time.

"But with the effort of the resi-

dents who were committed, the plan started moving forward.

"The Drainage and Irrigation Department as well as other relevant agencies began digging, widening and beautifying the river," he said.

He added that villagers hoped to organise a small-scale fishing competition in the next five months while adhering to the standard operating procedures, if the Covid-19 situation improved.

Maszlee said their ultimate aim was to transform Sungai Ulu Benut into a tourism attraction.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2021	KOSMO	NEGARA	11



KOTAK berisi haiwan seludup yang ditinggalkan di pangkalan haram Sota, Rantau Panjang, Kelantan kelmarin. – FOTO IHSAN PGA



SEKOR burung kakak tua bernilai RM35,000 yang dirampas.

Cubaan seludup ayam laga, burung bernilai RM65,000 gagal

RANTAU PANJANG – Pasukan Gerakan Am (PGA) mematahkan cubaan menyeludup masuk burung dan ayam laga bernilai RM65,000 ke negara ini di pangkalan haram Sota, Jeram Perdah di sini kelmarin.

Dalam serbuan pada pukul 7.30 malam itu, pihak berkuasa merampas seekor burung kakak tua berharga RM35,000, 10 ekor anak burung conure matahari (RM10,000) dan empat ekor ayam laga (RM20,000).

Pegawai Pemerintah Bata-

lion 9 PGA, Superintendan Nor Azizan Yusof memberitahu, pihaknya melakukan intipan di lokasi berkenaan sebelum melihat sekumpulan lelaki sedang memunggah sejumlah kotak dan bakul.

“Apabila anggota PGA menyerbu kawasan tersebut, kumpulan lelaki tersebut bertindak melarikan diri ke negara jiran dengan menyeberangi Sungai Golok menggunakan perahu,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Nor Azizan, siagatan awal mendapati haiwan-haiwan tersebut dibawa masuk melalui pangkalan haram di sini kerana mendapat permintaan yang tinggi di negara ini.

Kesemua haiwan yang dirampas tersebut diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) Rantau Panjang untuk tindakan lanjut.

Beliau memberitahu, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Maqis 2011.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2021	HARIAN METRO	LOKAL	12

Oleh Syaherah Mustafam@hmetro.com.my

Pasir Mas

Sekumpulan lelaki dipercayai penyeludup melarikan diri ke negara jiran dengan meninggalkan pelbagai burung eksotik dianggarkan bernilai RM65,000 selepas terserempak pihak berkuasa di pangkalan haram Sota, Jeram Perdah di sini, kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA), Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, dalam kejadian jam 7.30 malam, anggotanya membuat rondaan di lokasi terbabit dan terserempak sekumpulan lelaki mengangkat kotak dan bakul dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, anggota mendekati kumpulan berkenaan, namun mereka melarikan diri menggunakan perahu merentasi Sungai Golok ke Thailand.

"Pemeriksaan ke atas kotak serta bakul terbabit menemukan seekor burung kakak tua bernilai RM35,000, empat ayam laga bernilai RM20,000 dan 10 anak burung Sun Corner dengan harga RM10,000.

"Semua haiwan terbabit dirampas dan dibawa ke Balai Polis Jeram Perdah bagi tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Haiwan terbabit diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) bagi siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Nor Azizan berkata, burung dan ayam laga ber-

KERJA HARAM WAKTU SENJA

Penyeludup lari tinggal burung bernilai RM65,000 selepas terserempak penguat kuasa



ANAK burung Sun Corner bernilai RM10,000 dan burung kakak tua bernilai RM35,000 yang dipercayai diseludup dari Thailand untuk pasaran sekitar Kelantan yang mempunyai peminat tersendiri.



KOTAK berisi burung eksotik yang ditinggalkan penyeludup di pangkalan haram Sota, Jeram Perdah.

kenaan dipercayai diseludup dari Thailand untuk pasaran sekitar negeri Kelantan yang mempunyai peminat tersendiri.

"Penyeludup menjalankan aktiviti ketika waktu Maghrib kerana menganggap kawalan pihak berkuasa berkurangan pada tempoh berkenaan selain mencari pangkalan haram yang sunyi supaya kerja mereka tidak dikesan.

"Bagaimanapun, hasil kepekaan anggota bertugas aktiviti penyeludupan ditekang dan kawalan terus diperketatkan dari semasa ke semasa," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2021	SINAR HARIAN	NEGERI JOHOR/ MELAKA/ KELANTAN	30

Penyeludup tinggalkan burung, ayam laga

Haiwan dianggarkan bernilai RM65,000 ditinggalkan di pengkalan haram selepas diserbu PGA

Oleh SITI FATIHAH AWANG

RANTAU PANJANG

Sekor burung kakak tua, anak burung Sun Corner dan ayam laga dengan nilai keseluruhan RM65,000 dirampas Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuala Terengganu dalam satu serbuan di Pengkalan Haram Sota, Jeram Perdah pada Khamis.

Pegawai Pemerintah Batalion 9 PGA Kuala Terengganu, Superintendan Nor Azizan berkata, ketika serbuan pada jam 7.30 malam itu, sekumpulan lelaki sedang memunggah kotak dan bakul dalam keadaan mencurigakan.

"Anggota kami menghampiri kumpulan lelaki berkenaan dan mereka bertindak melarikan diri dengan menaiki perahu ke negara jiran dan meninggalkan kotak serta bakul di lokasi itu.



Burung kakak tua yang dirampas bernilai RM35,000

"Burung dan ayam laga berkenaan dipercayai diseludup dari negara jiran untuk pasaran sekitar Kelantan kerana haiwan berkenaan mempunyai peminat tersendiri," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Jumaat.

Menurutnya, burung kakak tua tersebut dianggarkan bernilai RM35,000, anak burung Sun Corner sebanyak 10 ekor bernilai RM10,000

dan empat ekor ayam laga bernilai RM20,000.

Beliau berkata, laporan polis mengenai rampasan tersebut telah dibuat Balai Polis Jeram Perdah dan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Rantau Panjang untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 11(1) Akta Maqis 2011.



Kotak serta bakul yang mengandungi burung dan ayam laga ditinggalkan di tepi pengkalan haram.



Anak burung Sun Corner yang dirampas dalam operasi berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

PKP: Kelulut bawa untung

MELAKA: Bermula sebagai hobi, seorang pesara Pembantu Tadbir di Kem Terendak, Ab. Samad Maarof kini merupakan antara pengusaha penternakan madu kelulut yang berjaya.

Menyedari potensi madu kelulut mampu menjana pendapatan, Ab Samad, 62, memberanikan diri menternak lebah kelulut di sekitar rumahnya di Kampung Bukit Tempayan, Tangga Batu dekat sini.

Menurutnya, bermula secara serius sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac tahun lalu, dia kini mempunyai sebanyak 45 sarang yang mampu menghasilkan pendapatan antara RM4,000 hingga RM8,000 sebulan.

“Keputusan saya menternak kelulut adalah tepat. Selepas bersara orang seusia saya payah nak dapat kerja lain. Mujur saya beranikan diri mengusahakan madu kelulut daripada duduk terkurung di rumah sepanjang tempoh PKP.

“Bukan sahaja saya ada pendapatan tambahan selain duit pencen, tetapi lebih penting kesihatan saya makin bagus se-

jak mengamalkan madu kelulut yang memang diketahui mempunyai banyak khasiat,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.



AB. SAMAD Maarof mengambil madu daripada salah satu sarang lebah kelulutnya di Kampung Bukit Tempayan, Tangga Batu, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP